

# Enam hari operasi Valuecap lonjakkan modal BSKL RM30b

18 JAN 2003

Oleh ZAHARUDDIN MOHD. ALI  
dan ABU HAKIM TANZIMUDDIN

PUTRAJAYA 17 Jan. — Kewujudan Valuecap Sdn. Bhd., sebuah syarikat pengurus dana dengan modal RM10 bilion telah menyaksikan kekayaan negara menerusi pemodal di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) meningkat sebanyak RM30 bilion dalam enam hari selepas ia beroperasi.

Pemodal di bursa itu meningkat dari RM461 bilion pada 9 Januari kepada RM491 bilion pada 16 Januari lalu selepas Valuecap mula beroperasi pada 10 Januari.

Dalam tempoh itu juga jumlah saham yang didagangkan meningkat daripada 112 juta unit kepada 470 juta unit dan nilai saham yang didagangkan turut melonjak daripada RM236 juta kepada RM590 juta.

Penasihat Khas kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, BSKL telah menunjukkan momentum positif yang kukuh sejak Valuecap mula beroperasi.

“Valuecap memberikan pasaran saham satu arah pelaburan yang jelas memandangkan sebelum ini ia bergerak tanpa sebarang petunjuk yang jelas.

“Kehadiran Valuecap juga menurunkan ketidaktentuan dalam pasaran,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Nor Mohamed menambah, kehadiran Valuecap yang membeli saham-saham berkualiti yang rendah harganya ketika ini berbanding nilai sebenar mereka telah menggalakkan lebih banyak pelabur memasuki pasaran saham.

Menurut beliau, pasaran saham akan tetap turun dan naik, namun ia tidak lagi

■ Lihat muka 4

## Enam hari ✓ Valuecap operasi lonjakkan modal BSKL RM30b

ditentukan satu pihak yang tidak mewakili kepentingan majoriti pelabur.

Beliau merujuk kepada pelabur asing yang walaupun hanya mewakili 18 peratus daripada pemodal di BSKL, namun mereka menjadi penentu arah pergerakan turun naik bursa berkenaan.

“Kehadiran pelabur asing amat digalakkan pada sepanjang masa tetapi dengan modal yang hanya mewakili 18 peratus pemodal di BSKL, mereka tidak seharusnya menjadi ikutan.

“Pelabur tempatan pula mempunyai sikap mengikut apa yang dilakukan oleh para pelabur asing. Bagaimanapun kehadiran Valuecap diharap dapat mengubah keadaan tersebut,” katanya.

### Menanggung

Menurut beliau, seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, banyak kekayaan Bumiputera kini terikat dengan Permodalan Nasional Bhd., dan mereka tidak patut menanggung kesusahan kerana ada pihak lain yang bertindak disebabkan perkara yang tiada kaitan.

“Kita mahu mempertahankan kepentingan bumiputera dan juga bukan bumiputera dan Valuecap merupakan salah satu caranya,” katanya.